

## **Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Tawaran Awam pada syarat-syarat penggunaan akaun yang berbeza.**

1. Perjanjian Tambahan ini direka oleh dan diantara Kumpulan InstaForex (dirujuk sebagai Syarikat), dan pemilik akaun dagangan, yang ditukar kepada akaun berasingan (dirujuk sebagai Pelanggan). Perjanjian Tambahan semasa merupakan tawaran umum yang rasmi boleh didapati di Internet. Pelanggan perlu untuk membacanya dengan teliti sebelum menghantar borang [S-1](#) memohon perkhidmata Akaun Berasingan. Borang S-1 yang telah diisi diterima oleh Perkhidmatan Sokongan Pelanggan Syarikat akan mengesahkan perjanjian Pelanggan kepada syarat-syarat dan terma Perjanjian Tambahan semasa.
2. Perkhidmatan Akaun Berasingan disediakan kepada Pelanggan ketika resit dan setelah mengambil kira borang S-1. Jika borang S-1 diisi dengan betul, dan Pelanggan memenuhi segala keperluan perkhidmatan Akaun Berasingan, Perkhidmatan Sokongan Pelanggan daripada Syarikat akan mengaktifkan perkhidmatan Akaun Berasingan pada akaun dagangan Pelanggan.
3. Pelanggan boleh mengesahkan penganapan semua keperluan bagi perkhidmatan Akaun Berasingan:
  1. Selepas atau pada ketika penghantaran Borang S-1 yang telah pun diisi, Pelanggan boleh menghantar salinan penyata bank membuktikan bahawa terdapat jumlah melebihi \$50000 atau bersamaan didalam sebarang matawang lain ke `segregated-accounts@instaforex.com`.
4. Pelanggan perlu melakukan deposit 30% daripada deposit awal didalam masa dua minggu selepas Perkhidmatan Sokongan Pelanggan Syarikat memberikan keputusan positif yang awal pada pengaktifan perkhidmatan Akaun Berasingan pada akaun Pelanggan. Sebaik sahaja Syarikat menerima deposit awal daripada Pelanggan, ianya menjadikan dua pindahan kepada akaun Pelanggan:
  1. Pindahan jumlah bersamaan 30% daripada deposit awal;
  2. Pindahan jumlah bersamaan 70% daripada deposit awal atas terma kredit tanpa faedah.
5. Syarikat akan mengkreditkan 70% daripada deposit awal pada hari yang sama apabila mengkreditkan 30% daripada deposit awal.
6. Perkhidmatan Akaun Berasingan adalah bertujuan untuk melindungi wang Pelanggan terhadap situasi yang diluar kawalan manusia.
  1. Pelanggan bertanggungjawab bagi ketersediaan jumlah yang berkenaan pada akaun dagangan bagi membuka dagangan. Pelanggan perlu memindahkan jumlah tambahan wang tersebut kepada akaun dagangan dengan segera jika kerugian semasa melebihi jumlah yang didepositkan oleh Pelanggan.
  2. Jika Pelanggan gagal untuk menambah wang kepada akaun dagangan atau melewatkan pemindahan, Syarikat berhak untuk menutup semua posisi yang dibuka pada harga pasaran semasa dan membatalkan perkhidmatan Akaun Berasingan pada akaun Pelanggan.
  3. Syarikat bersetuju untuk mengekalkan akaun Pelanggan jika defisit daripada dana sebenar tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan.
7. Perkhidmatan Akaun Berasingan dibatalkan apabila jumlah kredit bersamaan 70% daripada deposit awal dikeluarkan daripada akaun dagangan Pelanggan.
8. Sekatan dikenakan terhadap akaun dagangan dengan perkhidmatan Akaun Berasingan diaktifkan:
  1. Leverage tertinggi adalah 1:200.
  2. Jumlah kredit bersamaan 70% daripada deposit awal tidak boleh dikeluarkan.
  3. Kadar faedah tidak berkenaan.
  4. Jaminan bank hanya boleh digunakan hanya kepada pemindahan wang oleh Pelanggan kepada Syarikat.
  5. Jumlah minimum dagangan ditetapkan secara individu untuk setiap akaun dagangan dengan perkhidmatan Akaun Berasingan diaktifkan dan melebihi 1.0 lot (nilai pip adalah bersamaan kepada 1 USD untuk setiap pasangan matawang utama).
  6. Program Bonus tidak diguna pakai kepada akaun berasingan.
  7. Pengeluaran wang dengan keuntungan daripada akaun berasingan dipohon oleh Pelanggan perlu hendaklah ditafsirkan sebagai pembatalan Perjanjian Tambahan semasa.
  8. Akaun dagangan dengan perkhidmatan Akaun Berasingan tidak boleh disediakan dengan perkhidmatan berikut: sistem PAMM, sistem ForexCopy, VPS hosting, dan sistem InstaWallet.
9. Pihak tersebut perlu menyelesaikan semua pertikaian dan perbezaan pendapat pada terma dan syarat diterangkan didalam Perjanjian Tambahan semasa dan Perjanjian Tawaran Awam diterima oleh Pelanggan apabila membuka akaun dagangan nyata.
10. Bahasa
  1. Bahasa Perjanjian semasa adalah Bahasa Inggeris.
  2. Bagi kemudahan Pelanggan, Syarikat boleh menyediakan versi Perjanjian didalam bahasa yang berbeza daripada Bahasa Inggeris. Versi terjemahan terhadap Perjanjian adalah bertujuan untuk memberikan maklumat.
  3. Didalam beberapa kes pencanggahan pembacaan daripada bersi terjemahan dan Perjanjian semasa didalam Bahasa Inggeris, Perjanjian didalam Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai rujukan utama.